

Tindakan Howard tidak ubah pendirian kita: Dr M

BH-8/4/2005: 2

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan usaha Perdana Menteri Australia, John Howard, untuk berbaik dengan rakan sejawatnya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai sesuatu yang positif.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau berseutu dengan kenyataan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, bahawa pendirian Malaysia berhubung beberapa isu berkaitan Australia tidak semestinya berubah jika kedua-dua negara berbaik-baik.

"Mungkin baik untuk berbaik-baik dengan orang. Saya sudah cuba untuk berbaik-baik sebelum ini. Dalam perjalanan dari New Zealand dulu saya singgah menemui Howard, pada masa itu beliau baru menjadi Perdana Menteri.

"Saya cuba berbaik dengan beliau dan juga dengan (Menteri Luar Australia, Alexander) Downer tetapi mereka tidak baik dengan saya. Justeru, jika mereka mahu berbaik dengan Perdana Menteri baru, saya fikir itu perkara yang baik," katanya, di sini, semalam.

Dr Mahathir mengulas lawatan Abdullah ke Australia atas jemputan Howard. Lawatan rasmi itu adalah pertama kali

oleh Perdana Menteri Malaysia sejak lebih dua dekad lalu.

Terdahulu, Dr Mahathir memasmikan mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Kuala Lumpur.

Hubungan Malaysia dan Australia atau lebih tepat lagi hubungan Dr Mahathir dan Howard sering tegang dengan kedua-dua pemimpin saling membuat kritikan pedas secara terbuka.

Dr Mahathir pernah menemui Howard di Brisbane pada 1996 dalam usaha memperbaiki hubungan dua hala yang renggang apabila bekas Perdana Menteri Australia, Paul Keating, menyifatkan Dr Mahathir sebagai 'keras kepala' pada 1993 kerana tidak menghadiri mesyuarat tidak rasmi pemimpin negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang pertama di Seattle, Amerika.

Kali terakhir Dr Mahathir mengadakan lawatan rasmi ke Australia ialah pada 1984 sempena merasmikan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Canberra.

Ditanya apakah pendirian Malaysia yang tidak sepatutnya berubah dengan perkembangan terbaru dalam hubungan dengan Australia itu, Dr Mahathir berkata, ia berkaitan sikap Australia untuk menjadi 'timbangan

sherif' kepada Amerika Syarikat.

Katanya, sikap Howard yang berlagak sebagai pembantu Presiden George Bush dan mahu mengambil tindakan terhadap mereka yang disyaki pengganas di rantau ini sebenarnya melanggar kedaulatan negara lain.

"Kita tiada jawatan untuk timbala sherif... beliau fikir beliau boleh datang ke sini dan menangkap orang kerana mereka dikatakan pengganas. Ini dalam erti kata lain memaksa kekuasaan wilayah.

"Ketika saya (menjadi Perdana Menteri), saya katakan jika anda datang, saya buat hidung anda berdarah tetapi sejak kebelakangan ini kita mahu berbaik-baik dan mungkin kita akan tepuk belakang mereka saja," katanya.

Ditanya apakah beliau yakin hubungan dua hala Malaysia dan Australia akan bertambah baik, Dr Mahathir berkata: "Saya harap begitu, saya agak yakin Howard mahukannya dipertingkatkan."

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengingatkan bahawa usaha itu perlu komitmen kedua-dua belah pihak.

"Ia harus menjadi usaha dua belah pihak, bukan hanya satu pihak saja. Semua perkara perlu secara timbal balik," katanya.